

Berita Bandaraya

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

DBKL MESRA BERSAMA RAKYAT

Pelbagai aktiviti sentiasa diwujudkan bagi memastikan masa terluang warga kota tidak disia-siakan. Justeru itu, DBKL telah mengadakan lebih banyak aktiviti di Kuala Lumpur yang boleh disertai oleh semua golongan.

Y.Bhg. Datuk Bandar Kuala Lumpur telah mewujudkan satu program iaitu Program DBKL Mesra Rakyat. Program ini merupakan majlis tahlil dan ramah mesra DBKL dengan warga kota terutama di kawasan-kawasan Perumahan Awam. Program ini dimulakan dengan Rumah-Rumah Awam MTEN (Majlis Tindakan Ekonomi Negara) seperti Desa Petaling, Kampung Paya Permai, Pudu Ulu, Pekan Batu, Air Jerneh, Setapak dan PPR Taman Wahyu I.

Program DBKL Mesra Rakyat yang pertama



Y.Bhg. Datuk Mohamad Shaïd bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur, bersama-sama penduduk perumahan PPR Desa Petaling semasa majlis tahlil yang diadakan pada 29 September 2003.



Y.Bhg. Datuk Mohamad Shaïd bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur sentiasa turun padang untuk bersama-sama dengan warga kota dalam pelbagai majlis kemasyarakatan.

telah diadakan pada 29 September 2003 (Isnin) di kawasan Perumahan PPR Desa Petaling. Acara pada petang tersebut dimulakan dengan solat tahlil yang diikuti dengan majlis tahlil.

Lebih kurang 300 orang penduduk dari kawasan perumahan tersebut telah hadir. Y.Bhg. Datuk Mohamad Shaïd bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur, telah menyampaikan ucapan dan sumbangan wang tunai sel. P.A. Sistem, dua unit kanopi dan permaidani untuk surau perumahan tersebut. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Y.Bg. Datuk Amir Salleh, Ketua Bahagian UMNO, Bandar Tun Razak.

Y.Bhg. Datuk Mohamad Shaïd dalam ucapannya menyentuh mengenai masalah sosial yang meningkat terutama di kalangan remaja Melayu. Beliau menyeru semua pihak untuk mengambil inisiatif bagi menangani masalah ini. Y.Bhg. Datuk Mohamad Shaïd turut meminta warga kota menyalurkan masalah kepada pengetahuan DBKL di mana DBKL akan sedaya upaya membantu untuk mengatasinya.

“Segala permasalahan jika tidak dapat disampaikan terus kepada saya, ianya boleh disalurkan melalui pegawai atau kakitangan DBKL di pejabat-pejabat perumahan atau kawasan-berkenaan”, tambah Y.Bhg. Datuk Mohamad Shaïd lagi.

Majlis seumpama ini adalah pertama kali diadakan oleh DBKL, ianya merupakan salah satu usaha DBKL mendekati rakyat. Ianya dibuat berasaskan kawasan kediaman, bukannya khusus kepada sesuatu kaum sahaja. DBKL menjemput semua lapisan warga kota khususnya yang tinggal di kawasan majlis yang akan diadakan untuk hadir ke majlis tersebut pada tarikh dan waktu yang akan ditentukan. Warga kota yang bukan beragama Islam juga dijemput untuk bersama-sama bermesra dan berjamu selera.

DBKL akan menganjurkan majlis seumpama ini seminggu sekali di projek-projek perumahan awam di zon 1,2,3 dan 4 sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Harapan DBKL ialah dengan adanya aktiviti sebegini dan penglibatan penuh masyarakat kota, hubungan antara DBKL dan orang ramai akan dapat diperkukuhkan dan dieratkan lagi dan pastinya DBKL secara langsung mendapat maklumbalas mengenai isu-isu sosio-ekonomi dan kemasyarakatan rakyat Kuala Lumpur.



Rencana Pengarang

Abraham Maslow dalam tesisnya Hierarchy of Needs, membicarakan tentang tiga keperluan asa yang kita harus penuhi sebelum kita melangkah ke tahap kedua. Ia menyebut mengenai tiga keperluan asa yang dikenali sebagai keperluan fisiologi seperti makanan, pakaian dan perlindungan.

Tempat perlindungan adalah keperluan penting bagi manusia dan keluarganya. Seorang pekerja biasa perlu berusaha kuat untuk mencari mahligai (tempat perlindungan) bagi keluarganya.

Di Kuala Lumpur, mencari 'perlindungan' adalah satu cabaran yang besar bagi kebanyakan warga kota kerana harga rumah yang mahal. Bank-bank tidak akan sewenang-wenangnya memberi pinjaman kepada sebarang orang. Pihak bank perlu memastikan pinjaman dan faedah yang diperlohi boleh dikutip balik.

Kerajaan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil inisiatif untuk menyediakan perumahan bukan sahaja untuk orang biasa tetapi juga untuk yang daif dan miskin, cacat, ibu tunggal dan bujang dan orang-orang tua yang makin meningkat jumlahnya. Sebuah kerajaan yang prihatin akan menjaga dan memelihara kebajikan semua orang tanpa pilih kasih atau prejudis.

DBKL juga sedang berusaha dengan giat mencapai 'setinggalan sifar' menjelang tahun 2005. Hingga kini, 100,000 unit perumahan telah disediakan sejak 1995-2003. Banyak lagi unit-unit rumah sedang dibina oleh kerajaan di bawah Program Perumahan Rakyat (PR) dan Program Rakyat Termiskin (PRT).

DBKL berazam untuk membina perumahan yang berkualiti dengan ruang bilik yang besar serta kemudahan yang lebih sempurna.

TANDAS BERSIH JADIKAN AMALAN

Amalan tandas bersih perlu diterapkan dalam diri setiap insan agar kita menjadi satu budaya hidup dan dapat mewujudkan imej bandar raya yang bersih. Malaysia kini antara negara yang telah dimasukkan dalam kalendar pelancongan perlu mengambil perkara ini secara serius untuk memastikan pelancong yang datang akan berada dalam keadaan selesa.

Kuala Lumpur sebagai ibu kota Malaysia merupakan destinasi utama para pelancong seluruh dunia perlu mengambil langkah awal bagi mengatasi masalah tandas awam kotor. Justeru itu, DBKL sebagai penguasa tempatan Kuala Lumpur telah mengadakan taklimat dan kerjasama dengan pemilik-pemilik tandas awam di sekitar Kuala Lumpur bagi mencapai tujuan itu. Y.Bhg. Datuk Mohmad Shaid bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur pada perjumpaan tersebut akan membuat kerjasama dengan pemilik-pemilik tandas awam di Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR), Jalan Bukit Bintang dan Jalan Bangsar sebagai permulaan. Majlis tersebut telah dihadiri oleh kira-kira 150 pemilik dan pengusaha tandas awam.

Menurut Datuk Bandar Kuala Lumpur, DBKL telah adakan Anugerah Tandas Cantik pada setiap tahun, namun ianya masih tidak mencukupi untuk memastikan tandas awam di Kuala Lumpur berada dalam keadaan bersih. Selain berdialog dengan pemilik-pemilik tandas awam itu, Datuk Bandar juga mahu memastikan pemilik tandas awam ini meningkatkan kebersihan tandas masing-masing mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Namun demikian, mereka (pemilik tandas awam) digalakkan melakukan lebih daripada apa yang telah ditetapkan.

Namun begitu, masalah yang sering dihadapi oleh pemilik-pemilik tandas awam ialah sikap orang ramai yang tidak mengambil berat soal kebersihan. Sekiranya pihak pengusaha tandas awam ini tidak mendapat kerjasama yang padu dari orang ramai, maka masalah tandas kotor tidak akan dapat diselesaikan. Jika tandas awam bersih, kita akan berfikir dua kali untuk mengotorkannya dan jika tandas itu kotor dan berbau, kita tidak teragak-agak untuk menjadikannya lebih kotor.

Orang ramai, sama ada dewasa, remaja atau kanak-kanak perlu bersama-sama bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan tidak kira di mana.

SIDANG REDAKSI BERITA BANDARAYA DAN KUALA LUMPUR CITY NEWS MENGUCAPKAN SELAMAT BERPUASA KEPADA SELURUH RAKYAT MALAYSIA YANG BERUGAMA ISLAM

EMPAT LAGI LOKASI HIBURAN RAKYAT

Hiburan untuk sekeluarga di Kuala Lumpur atau dikenali sebagai Hiburan Rakyat diadakan secara bergilir-gilir iaitu di Taman Tasik Perdana, Taman Tasik Titiwangsa, Taman Tasik Permaisuri dan Laman Tuanku Abdul Rahman. Hiburan Rakyat ini diadakan dengan kerjasama Persatuan Penyanyi, Pemuzik dan Pencipta Lagu Tanah Air (Papita). DBKL telah memperkembangkan persembahan tradisional dan moden secara menyeluruh di empat lokasi riadah popular di Kuala Lumpur sebagai mengisi hari minggu untuk warga kota dan pelancong.

mengetengahkan artis-artis lama dan yang baru dan tidak lupa juga kepada bakat-bakat baru.

Kumpulan Kebudayaan dari-pada pelbagai kaum juga turut membuat persembahan etnik mengikut kebudayaan masing-masing.

Persembahan Hiburan Rakyat akan diadakan sepanjang tahun kecuali pada bulan Ramadhan. Di Laman



Y.B. Mulia Tengku Datuk Seri Azlan ibni Almarhum Sultan Abu Bakar memukul gong menandakan rasminya Persembahan Hiburan Rakyat.

mengisi acara hujung minggu dengan Hiburan Rakyat tercetus kerana kerajaan berasaskan adalah perlu menyediakan satu persembahan berkaitan seni budaya untuk menceriakan lagi suasana di Kuala Lumpur pada hari cuti hujung minggu.

Di Pelancaran Hiburan Rakyat pada 28 september 2003 yang telah diadakan di Panggung Anniversari, Taman Tasik Perdana, ianya telah diserikan dengan persembahan nyanyian oleh Datuk A Rahman Hassan bersama Orkes Nirwana, Datin Azizah Mohamad dan beberapa penyanyi cilik yang tidak kurang hebatnya dengan membawa lagu-lagu lama dan baru. Selain itu, persembahan lawak jenaka juga diadakan dengan sketsa yang mempunyai mesej yang berguna untuk anak-anak telah dilakonkan oleh seniman veteran Aziz Sattar dan Datuk Jamali Shadat. Badan Kesenian DBKL juga turut membuat persembahan pada petang itu.

Selain dari Y.B. Mulia Tengku Datuk Seri Azlan ibni Almarhum Sultan Abu Bakar, turut hadir ialah Y.Bhg Datuk Mohamad Shaid bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Encik Ahmad Fauzi b. Zahari, Ahli Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur.

DBKL berharap dengan adanya segmen seumpama ini di hujung minggu, para warga kota dan pelancong dapat menikmati keindahan seni budaya bangsa Malaysia.



Y. Bhg. Datuk Mohamad Shaid sedang menikmati persembahan hiburan pada hari Pelancaran Hiburan Rakyat bersama-sama dengan warga kota.

Persembahan setiap minggu ini akan menggalakkan warga kota berkumpul bersama keluarga di hujung minggu dengan menikmati hiburan, beriadah, berkelah atau bermain bersama anak-anak di taman.

Hiburan Rakyat yang telah dirasmikan oleh Y.B. Mulia Tengku Datuk Seri Azlan ibni Almarhum Sultan Abu Bakar, Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri itu diisi dengan pelbagai persembahan hiburan tradisional dan moden serta

Tuanku, persembahan diadakan pada setiap Sabtu minggu kedua dan ketiga (cuti Sabtu). Manakala di Taman Tasik Titiwangsa pula diadakan pada hari Ahad, minggu kedua dan keempat. Di Taman Tasik Perdana iaitu di Panggung Anniversari pula diadakan pada setiap Ahad minggu pertama dan ketiga dan di Taman Tasik Permaisuri akan bermula pada bulan Disember 2003. Kesemua persembahan dimulakan pada jam 5:00 petang.

Pada sidang media, Y.B. Mulia Tengku Datuk Seri Azlan, idea untuk